

Seberang Perai dinaik taraf

Rozali dilantik
Datuk Bandar
Seberang Perai
pertama

MOHD ISKANDAR OTHMAN

KEPALA BATAS

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) secara rasmi dinaik taraf sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB) semalam.

Majlis pengisytiharan dilakukan penuh istiadat dan disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Abdul Rahman Abbas di Dewan Millenium di sini semalam.

Majlis bermula dengan penyerahan surat cara perisytiharan

oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin kepada Tun Dr Abdul Rahman.

Upacara diteruskan dengan lafaz pengisytiharan oleh Tun Dr Abdul Rahman dan diikuti pengumuman pelantikan Datuk Bandar MBSB yang dibuat oleh Ketua Menteri, Chow Kon Yeow.

Kon Yeow ketika membaca surat cara pelantikan mengumumkan Yang Dipertua MPSP, Datuk Rozali Mohamud sebagai Datuk Bandar Seberang Perai yang pertama di hadapan Yang Dipertua Negeri.

Sementara itu, Rozali ketika ditemui selepas majlis berkenaan melahirkan rasa gembira dengan pengiktirafan berkenaan dan berterima kasih kepada semua pihak atas kejayaan Seberang Perai memperoleh status bandar raya.

Rozali berkata, beliau akan



Rozali (diri) menerima kalungan Jawatan sebagai Datuk Bandar daripada Tun Dr Abdul Rahman dalam Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai semalam.

mengumumkan beberapa hadiah dan insentif khusus kepada rakyat selain 18 program dan enam ga-

ris panduan baharu yang pasti akan memberi kesan kepada rakyat.

DATUK BANDAR
SEBERANG PERAI,
DATUK SRROZALI
MOHAMUD

- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Pengurusan Hartabenda) Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Mula berkhidmat di MPSP sebagai Pegawai Penilaian dengan gelaran Jawatan Penolong Pengarah Penilaian pada 1 Februari 1990.
- Dilantik menjadi Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta pada 2002.
- Dilantik sebagai Setiausaha Pertubuhan oleh Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang pada 1 Mac 2011.
- Dilantik sebagai Yang Dipertua MPSP pada 1 Julai 2017.
- MPSP mendapat pengesahan daripada *Malaysia Book of Records* (MBR) atas pencapaian sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama yang mendapat tujuh Persijilan Pengurusan Berkualiti pada 2 Februari 2018.